



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
**(LAND SURVEYORS BOARD)**

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9/(45)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

**11** Februari 2021  
**29** Jamadilakhir 1442H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

---

**SURAT PEKELILING**  
**LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**BAYARAN KEMAJUAN**  
**BAGI KERJA UKUR HAKMILIK STRATA DENGAN PELAKSANAAN**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2.0 (PKP 2.0)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana kita sedia maklum bahawa statistik harian kes positif COVID-19 di negara kita masih tinggi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) bermula pada 13 Januari 2021 yang menyebabkan urusan dengan beberapa agensi Kerajaan mengalami gangguan akibat penutupan perkhidmatan kaunter. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin terhadap operasi firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang turut terkesan dengan penguatkuasaan PKP 2.0 tersebut.

3. Dalam hubungan ini, LJT juga mendapati bahawa terdapat JTB yang mengalami kesukaran untuk membuat pemfailan SIFUS dan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) kerana sesetengah kaunter Pejabat Tanah dan Galian (PTG) tidak dibuka untuk penyerahan dokumen secara fizikal disepanjang pelaksanaan PKP 2.0 oleh Kerajaan.

4. Selaras dengan peruntukan di bawah peraturan 28, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011, Mesyuarat Khas Lembaga pada 5 Februari 2021 telah menimbang dan meluluskan pindaan kepada Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 di mana prosedur pembayaran pada peringkat bayaran kemajuan 10% kedua bagi kerja ukur hakmilik strata telah dipecahkan seperti berikut :

- 4.1 Bayaran kedua sebanyak 6% akan dibuat oleh LJT selepas JTB mengemukakan data digital SIFUS dan Jadual Petak dalam bentuk CD beserta dengan Borang Akuan kepada LJT.
- 4.2 Bayaran ketiga sebanyak 4% akan dibuat oleh LJT selepas JTB membuat pemfailan SIFUS dan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan mengemukakan bukti penerimaan oleh COB ke atas surat / dokumen yang dihantar. Sekiranya JTB tidak menuntut bayaran kedua seperti mana para 4.1 di atas, maka JTB layak menuntut bayaran ketiga sebanyak 10%.

5. Tuntutan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Akuan seperti di **Lampiran A** beserta cakera padat (CD) yang mengandungi data digital SIFUS dan Jadual Petak kepada LJT.

6. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dan terpakai untuk tempoh enam (6) bulan sahaja daripada tarikh ianya dikeluarkan. Namun begitu, perlanjutan pemakaianya bergantung kepada situasi semasa COVID-19 serta pelaksanaan PKP oleh Kerajaan. Surat Pekeliling ini hendaklah digunakan bersama-sama Pekeliling LJT Bilangan 2 Tahun 2016 bagi mana-mana perkara yang tidak terlibat dengan pindaan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK SR ISMAIL BIN HARUN)  
Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)  
Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

**BORANG AKUAN**  
**PENYERAHAN DATA DIGITAL SIFUS DAN JADUAL PETAK**

No. Rujukan LJT : .....

Bandar/Pekan/Mukim : .....

No. Lot : .....

Jumlah Petak : .....

Jumlah Petak Aksesori : .....

Pemilik Projek/Pemaju : .....

Dengan ini saya.....daripada firma.....  
mengakui telah menyiapkan penyediaan SIFUS dan Jadual Petak bagi tujuan  
permohonan hakmilik strata bagi projek di atas. Bersama-sama ini dikemukakan data  
digital SIFUS dan Jadual Petak dalam bentuk cakera padat (CD) bagi membolehkan  
tuntutan bayaran kedua dibuat sepetimana Surat Pekeliling LJT Bilangan 1 Tahun 2021.

2. Dalam hubungan ini, saya bersetuju bahawa tindakan boleh diambil oleh LJT ke  
atas saya berdasarkan peruntukan di bawah sub peraturan 29(1)(e), Peraturan-  
Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 sekiranya didapati wujudnya unsur penipuan  
oleh pihak kami berkaitan dengan perkara ini.

Sekian.

.....  
(Tandatangan JTB)

Nama JTB : .....  
Tarikh : .....  
No. Tel : .....  
Cop Firma : .....